From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PUSAT ISLAM UUM BERSAMA SMK BANDAR BARU SINTOK BERGANDING BAHU PACU KEJAYAAN CALON SPM 2026
Date: Thursday, 17 September, 2026 10:31:49 AM
Attachments: image001.png
image009.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

17 SEPTEMBER 2026 / 5 RABIULAKHIR 1448H
==========

Oleh: Nurin Sofia Yusoff
Gambar oleh: Pusat Islam UUM

PUSAT ISLAM UUM BERSAMA SMK BANDAR BARU SINTOK BERGANDING BAHU PACU KEJAYAAN CALON SPM 2026



UUM ONLINE: Pusat Islam Universiti Utara Malaysia (UUM) terus memperkukuhkan hubungan bersama komuniti setempat menerusi kerjasama dengan Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Sintok (SMKBBS) dalam menjayakan Program Perkampungan Ilmu Murid-Murid SPM 2026 SMK Bandar Baru Sintok di Dewan Seminar Pusat Islam.

Program ini diadakan sebagai salah satu usaha membantu141 calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2026 membuat persediaan menghadapi peperiksaan, khususnya melalui pendedahan kepada teknik menjawab soalan serta pengisian motivasi bagi meningkatkan semangat dan keyakinan diri.



Dalam program berkenaan, Pengarah Pusat Islam UUM, Mohd Yusnaidi Md. Sabri turut menyampaikan slot motivasi sebagai suntikan semangat dan dorongan kepada para pelajar untuk terus berusaha dalam mencapai kejayaan.

Mohd Yusnaidi berkata, penglibatan Pusat Islam dalam program ini mencerminkan komitmen untuk bersama-sama institusi pendidikan setempat dalam menyokong kecemerlangan ilmu dan pembangunan pelajar.



Menurunya, pihaknya terpanggil untuk bersama-sama membantu para pelajar yang sebahagian besarnya merupakan anak-anak staf UUM, sekali gus menunjukkan keprihatinan Pusat Islam terhadap warga universiti dan keluarga mereka.

Kerjasama dengan SMK Bandar Baru Sintok ini juga menjadi salah satu usaha Pusat Islam untuk terus mendekati dan menyantuni komuniti sekitar UUM, khususnya institusi pendidikan.



Peranan Pusat Islam bukan sahaja tertumpu kepada aspek keagamaan dan kerohanian, malah turut merangkumi usaha menyokong pembangunan pendidikan serta kecemerlangan generasi muda.

Diharapkan kerjasama antara Pusat Islam UUM dan SMK Bandar Baru Sintok dapat memberi manfaat kepada calon SPM 2026 dalam menghadapi peperiksaan, di samping mengeratkan hubungan antara universiti, sekolah dan komuniti setempat demi kecemerlangan pendidikan bersama.

UUM OFFICIAL
uumtoday.com Universiti Utara Malaysia uumofficial uumnews uumtube uuminfo uumofficial
ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.